

26/09/2002

1.22 juta saham THB Industries Bhd untuk Mokhzani

KUALA LUMPUR, Rabu - Sejumlah 1.22 juta unit saham THB Industries Bhd, diluluskan kepada Mokhzani Mahathir pada 1997 berdasarkan cadangan syarikat itu kerana kaitan dan sumbangan anak Perdana Menteri itu kepada perniagaan syarikat, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Dalam satu jawapan bertulis, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, juga menjelaskan pada 1995, sebanyak 53,334 unit saham Talam Corporation Bhd ditawarkan kepada Megat Fairouz Megat Junid, anak bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Katanya, pengagihan saham kepada Megat Fairouz disebabkan beliau adalah anggota Lembaga Pengarah Talam Corporation.

"Berdasarkan rekod kementerian ini, tiada sebarang penjualan dilakukan," katanya bagi menjawab soalan Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) yang ingin tahu jumlah saham terbitan yang diluluskan kepada Megat Fairouz dan Mokhzani sehingga kini, dan daripada jumlah itu berapa unit yang dijual.

Kepada satu lagi soalan wakil yang sama, Rafidah berkata tidak ada anak mana-mana menteri, timbalan menteri dan menteri besar yang pernah menerima faedah seperti itu sehingga kini.

Bagaimanapun, katanya, terdapat anak bekas menteri yang pernah menerima peruntukan kementerian iaitu Mohamed Nizam Tun Abdul Razak dan Hamidah Tun Abdul Ghafar Baba.

Mohd Nizam, selaku anggota lembaga pengarah OYL Industries Bhd menerima 204,450 unit saham syarikat itu pada 1986 manakala Hamidah mengambil alih 400,000 unit saham Kuantan Flour Mills Bhd, pada tahun 2000, yang diperuntukkan kepada Tun Ghafar kerana beliau semakin uzur. Tun Ghafar adalah pengerusi Kuantan Flour Mills pada ketika itu.

Rafidah berkata, peruntukan saham kepada mereka berdasarkan kelayakan masing-masing dan dipertimbangkan berdasarkan kriteria pengagihan saham terbitan khas bumiputera yang diluluskan oleh kerajaan dan tiada kaitan dengan siapa ibu bapa atau keluarga mereka.